# Azithromycin Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Lesvi Lab

Azithromycin 200mg/5ml

**Apakah Yang Ada Pada Risalah Ini**


1. Apakah kegunaan Azithromycin Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Lesvi Lab
2. Bagaimana ia berfungsi
3. Sebelum anda mengambil
4. Cara penggunaan
5. Semasa anda menggunakan
6. Kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan
8. Deskripsi produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP


**Apakah kegunaan Azithromycin Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Lesvi Lab**

Ubat ini biasanya disyorkan untuk merawat:

- Jangkitan dada, tekak, telinga atau hidung seperti bronkitis, pneumonia, tonsillitis, faringitis, otitis media akut dan resdung
- Jangkitan kulit dan tisu lembut
- Penyakit seksual akibat Chlamydia, Haemophilus atau Gonorrhea

**Bagaimana ia berfungsi**

Azithromycin tergolong dalam kumpulan antibiotik makrolida. Ia menghentikan pertumbuhan bakteria tertentu.

**Sebelum anda mengambil**

Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika anda alah kepada antibiotik azithromycin, erythromycin, macrolide atau ketolide, atau mana-mana bahan dalam ubat ini.

Kehamilan dan penyusuan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusu sebelum mengambil sebarang ubat. Anda tidak boleh menggunakan ubat ini semasa mengandung atau menyusu, melainkan diberi oleh doktor.

Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai mana-mana yang berikut:

- Alahan kepada ubat-ubatan, makanan, pengawet atau pewarna
- Mengandung, merancang untuk hamil atau menyusu
- Masalah kesihatan, termasuk :
  i. Masalah hati
  ii. Masalah buah pinggang
  iii. Masalah jantung
  iv. Kencing manis
  v. Intoleransi fruktosa yang berketurunan
  vi. Masalah penyerapan glukosa-galaktosa atau kekurangan enzim saccharise-isomaltase

Mengambil ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat lain. Ini termasuk sebarang ubat tanpa preskripsi atau ubat herba. Adalah penting untuk dinyatakan sebelum mengambil mana-mana ubat ini:

- Antasid untuk senak perut. Ubat ini tidak boleh diambil bersama antasid.
- Digoxin untuk kegagalan jantung. Paras Digoxin mungkin meningkat. Doktor anda akan memeriksa paras darah anda.
- Derivatif ergot untuk migrain. Penggunaan serentak Azithromycin Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Lesvi Lab dengan derivatif ergot tidak disyorkan.
- Warfarin atau ubat serupa untuk mencegah pembekuan darah. Penggunaan serentak boleh meningkatkan risiko pendarahan.
- Cyclosporin untuk menekan sistem imun. Jika penggunaan serentak diperlukan, doktor anda boleh menyesuaikan dos anda dengan sewajarnya.
- Theophylline untuk asma
- Nelfinavir untuk jangkitan HIV. Penggunaan serentak boleh meningkatkan kepekatan azithromycin.
- Ubat anti-aritmia untuk degupan jantung yang tidak teratur.

**Cara penggunaan**

Ikut semua arahan daripada doktor atau ahli farmasi anda dengan berhati-hati teliti. Mereka mungkin berbeza daripada maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada risalah ini, minta bantuan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa banyak dan bila diambil

Doktor akan menetapkan dos yang sesuai untuk anda. Ubat ini boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Bagi kanak-kanak, dos adalah berdasarkan berat badan mereka dan mesti ditentukan oleh doktor. Sila berikan ubat kepada anak anda mengikut arahan doktor.

Berapa lama untuk mengambil

Doktor anda akan memberitahu anda berapa lama anda perlu mengambil ubat tersebut.

Jika anda terlupa mengambil

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas. Makan ubat sebaik sahaja anda ingat.

Jika anda mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke hospital terdekat jika anda atau sesiapa sahaja mungkin terlebih mengambil ubat ini. Lakukan ini walaupun tiada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

**Semasa anda menggunakan**

Perkara yang mesti anda lakukan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda sedang atau mungkin hamil, atau sedang menyusu semasa mengambil ubat ini.

Perkara yang anda tidak boleh lakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini melainkan dinasihatkan oleh doktor. Jangan mengambil sebarang ubat baru tanpa berunding dengan doktor anda. Jangan berikan ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Tiada kajian dijalankan mengenai kesan azithromycin pada pemanduan atau penggunaan mesin. Walau bagaimanapun kemungkinan kesan yang tidak diingini seperti pening dan sawan perlu dipertimbangkan.

# Azithromycin Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Lesvi Lab

Azithromycin 200mg/5ml

**Kesan sampingan yang mungkin**
Seperti semua ubat, Azithromycin Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Lesvi Lab boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Jampa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Kesan yang sangat biasa termasuk cirit-birit, sakit perut, loya, dan kembung perut (angin). Kesan sampingan yang biasa termasuk senak, pening, sakit kepala, rasa kesemutan atau tercucuk-cucuk, perubahan rasa, penglihatan yang tidak normal, kehilangan pendengaran, muntah, hilang selera makan, ruam, kegatalan, sakit sendi, keletihan, dan penurunan atau peningkatan dalam bilangan sel darah tertentu.

Azithromycin Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Lesvi Lab boleh menyebabkan alahan yang teruk dan masalah kulit yang serius. Berhenti menggunakan Azithromycin Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Lesvi Lab dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut: kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Jika anda mendapati bahawa kanak-kanak muntah dan/atau kerengsaan semasa menyusu, hubungi doktor dengan segera kerana ia mungkin disebabkan oleh Infantile Hypertrophic Pyloric Stenosis (IHPS).

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan di atas atau melihat kesan sampingan yang lain, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

**Penyimpanan dan pelupusan**
Simpan pada suhu sederhana di bawah 30°C dalam bungkusan asal. Jauhkan ubat daripada kanak-kanak. Jangan ambil atau berikan ini ubat melepasi tarikh luput. Tanya ahli farmasi anda cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan bantu melindungi alam sekitar.

**Deskripsi produk**
Mana rupanya
Serbuk hampir putih dibentangkan dalam botol. Suspensi keputihan diperolehi selepas penyusunan semula dalam air.

Bahan-bahan
Bahan aktif: Azithromycin 200mg/5ml

Bahan tidak aktif:

- Sucrose
- Hydroxy-proylcellulose
- Xanthan Gum
- Anhydrous Trisodium Phosphate
- Banana flavour
- Strawberry flavour

MAL number:
MAL15045058AZ

**Pengilang**
Neuraxpharm Pharmaceuticals, S.L.
Avda. Barcelona, 69
08970 Sant Joan Despí (Barcelona)
Spain

**Pemegang Pendaftaran Produk (Malaysia)**
Ziwell Medical Sdn. Bhd.
Lot A2-14, PJ Industrial Park
Jalan Kemajuan, Section 13
46200 Petaling Jaya, Malaysia

**Pemegang Pendaftaran Produk (Singapore)**
Ziwell Medical (S) Pte Ltd
1 Ubi Crescent
#05-03 Number One Building
Singapore 408563

**Tarikh kemaskini RiMUP**
29/09/2023

**Nombor Siri**
NPRA(R2/1)231017/1160